

30 JUN 1999

Salleh-Pembangkok

RAKYAT MALAYSIA AKAN TOLAK PEMBANGKANG, KATA SALLEH

KOTA BELUD, 30 Jun (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Salleh Tun Said yakin bahawa rakyat akan menolak parti-parti pembangkang pada pilihan raya umum akan datang walaupun pembangkang mengadakan kerjasama.

Barisan Nasional (BN) juga akan mengekalkan majoriti dua per tiga berdasarkan rekod cemerlangnya memerintah negara sejak merdeka yang membawa keamanan, kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat Malaysia, kata beliau.

"Rakyat Malaysia berpuas hati dengan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tidak mahu mempertaruhkan masa depan mereka," kata beliau kepada pemberita di sini selepas melancarkan kempen kebersihan.

Mengenai peluang Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di Sabah, Salleh berkata parti itu juga akan ditolak oleh rakyat seperti juga pas yang calob-calonnya tewas di semua enam kawasan yang ditandinginya pada pilihan raya negeri Sabah Mac lepas.

"Ini kerana rakyat Sabah sedar bahawa parti-parti pembangkang seperti Keadilan hanya meniupkan sentimen dan emosi," kata beliau.

Beliau berkata sebaliknya, politik BN ialah politik pembangunan dan kemajuan.

"Dr Mahathir telah menjadikan Malaysia, negara membangun sebagai negara yang dikagumi dunia. Sebenarnya, Dr Mahathir-lah yang secara peribdi memastikan bahawa Sabah tidak ketinggalan dalam arus utama pembangunan selepas pembentukan kerajaan BN pada 1994," kata beliau.

Salleh juga yakin bahawa Umno Sabah akan menang semua kerusi parlimen yang diperuntukkan seperti pada pilihan raya negeri Sabah Mac lepas apabila Umno memenangi semua 24 kerusi.

"Umno juga akan membantu parti-parti komponen BN yang lain menang di kawasan masing-masing," kata beliau.

-- BERNAMA

JS FAZ